



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	10/6/2021	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	KeTSA/ PERHILITAN			

Zoo Melaka perlu sumbangan


Melaka: Zoo Melaka amat memerlukan sumbangan orang ramai dan pihak korporat bagi menampung kos pembelian makanan kira-kira 600 haiwan di zoo itu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman, berkata pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan nyata memberi impak dalam menampung operasi mereka.

Ketika dihubungi semalam, beliau berkata, Zoo Melaka memerlukan lebih RM100,000 setiap bulan bagi menampung kos makanan haiwan, sekali gus memastikan usaha konservasi hidupan liar dapat diteruskan.

"Setakat ini masih boleh bertahan, tetapi agak sukar dan mula terasa peritnya. Jadi kita terpaksa mengawal perbelanjaan. Apa yang kami harapkan ialah sumbangan orang awam bagi menampung kos haiwan termasuk makanan dan penyelenggaraan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bernasib baik apabila Tabung Makanan Haiwan yang dilancarkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan



kan (PKP) 1.0 masih berjalan dan berjaya mengumpul kutipan kira-kira RM100,000 yang disumbangkan pelbagai pihak.

"Selain tabung makanan ini, kita juga mengadakan program haiwan angkat dan saya lihat ramai yang mempunyai perasaan kasih sayang terhadap haiwan. Ada yang tampil bukan sekadar mengambil haiwan angkat, malah membawa sumbangan makanan seperti buah-bua-

han serta sayur-sayuran.

"Boleh dikatakan ketika ini kita bergerak dalam keadaan terkesan. MPHTJ terpaksa menampung kos ini, namun kita juga ada menerima sumbangan daripada jabatan serta badan bukan kerajaan (NGO) serta individu persendirian," katanya.

Shadan berkata, sekiranya keadaan itu berterusan, MPHTJ terpaksa menampung keseluruhan kerugian.